



International Journal of Modern Trends in
Social Sciences (IJMTSS)
Journal Website: <http://ijmtss.com/>
eISSN: 2600-8777



PEMAHAMAN DAN AMALAN BUDAYA MEMBACA DALAM KALANGAN MURID SEKOLAH RENDAH

UNDERSTANDING OF READING CULTURE AND PRACTICE AMONG PRIMARY SCHOOL PUPILS

Adam Zulkarnain Saleng¹, Amir Hasan Dawi²

¹ Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia
Email: adamzulkarnain_saleng@yahoo.com

² Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia
Email: amir.hasan@fpm.upsi.edu.my

Article Info:

Article history:

Received date: 27.02.2020
Revised date: 06.03.2020
Accepted date: 21.05.2020
Published date: 10.06.2020

To cite this document:

Saleng, A. Z., & Dawi, A. H. (2020).
Pemahaman dan Amalan Budaya
Membaca dalam Kalangan Murid
Sekolah Rendah. *International Journal
of Modern Trends in Social Sciences*,
3 (12), 72-81.

DOI: 10.35631/IJMTSS. 312007

Abstrak:

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pemahaman dan amalan budaya membaca dalam kalangan murid sekolah rendah. Seramai 15 orang murid sekolah rendah dipilih sebagai informan kajian. Kaedah kualitatif dengan reka bentuk kajian kes digunakan yang menggunakan pemerhatian dan temu bual sebagai teknik pengumpulan data. Hasil kajian melalui pemerhatian dan temu bual yang telah dilaksanakan secara keseluruhannya mendapati, murid sekolah kurang mengamalkan budaya membaca di sekolah mahupun di rumah. kebanyakan mereka menghabiskan masa terluang untuk bermain bersama rakan-rakan. Murid sekolah rendah juga berpandangan mereka memahami budaya membaca walau bagaimanapun mereka kurang mengamalkan budaya tersebut. Mereka membaca hanya sebagai hiburan, mengisi masa lapang dan untuk peperiksaan. Kesimpulan daripada kajian ini menunjukkan budaya membaca masih lagi belum diamalkan oleh murid sekolah rendah sebagai satu tabiat, amalan dan budaya dalam kehidupan harian mereka sebagai seorang pelajar.

Kata Kunci:

Budaya Membaca, Murid Sekolah Rendah, Sekolah Rendah

Abstract:

The purpose of the study is to identify the understanding of reading culture and practice among primary school pupils. A number of pupils are 15 are chosen as the informant of the study. Qualitative methods with case studies were used. The data is gathered used observation and interviews as data collection

techniques. The result of the study shown, primary school pupils do not practice reading culture at school or at home. Most of the free time they spend on playing with friends. Primary school pupils also understood the meaning of the reading culture however they did not practice it. They read books just for entertainment, leisure and for exams (education). In conclusion, the study has shown reading culture is not yet practiced by primary school pupils as a habit, practice, and culture in their daily life as a student.

Keywords:

Reading Culture, Primary School Pupils, Primary School

Pendahuluan

Budaya membaca merupakan salah satu budaya yang perlu diimarah dan diamalkan dalam masyarakat bertamadun. Dalam membina sesebuah tamadun yang tinggi, menurut Ishak Saat (2007), beberapa ciri perlu ada iaitu kemajuan teknologi, sistem pemerintahan dan ekonomi, urbanisasi, struktur sosial, agama, tulisan dan bahasa (pengetahuan) serta budaya dan kesenian. Semua tamadun yang lahir di dunia adalah berasaskan ilmu pengetahuan, termasuklah tamadun Greek dan Rom yang disegani di dunia pada masa lalu dan masih dikenali sehingga kini (Ghazali Darusalam, 2001). Penekanan terhadap pengetahuan dalam ketamadunan moden menuntut setiap individu perlu memiliki ilmu pengetahuan.

Dalam bidang pendidikan, budaya membaca seharusnya dipandang serius agar menjadi sebahagian daripada persekitaran budaya sekolah itu sendiri. Abu Bakar Nordin dan Ikhsan Othman (2003) menyatakan sekolah adalah satu masyarakat kecil yang mempunyai budaya tersendiri. Oleh demikian, budaya membaca harus menjadi salah satu budaya yang wajib ada disetiap sekolah, kerana dengan wujudnya budaya membaca dapat melahirkan satu generasi berilmu dan mampu melahirkan pemimpin yang berpengetahuan dan berinovasi. Ini kerana, apabila seseorang telah dewasa yang mahir membaca tetapi memilih untuk tidak membaca maka, mereka cenderung untuk menghasilkan generasi pembaca yang tidak berilmu pengetahuan.

Pemupukan budaya membaca amat perlu dilaksanakan sejak dibangku sekolah rendah lagi dalam mewujudkan masyarakat ilmu dan berfikiran terbuka. Seperti Anuar Ridhwan (2013) ada menyatakan generasi Y atau muda mula menjauhkan diri daripada budaya cetak (bahan-bahan buku) kerana beberapa sebab iaitu, generasi muda yang kurang berada (taraf ekonomi yang rendah) sama ada di bandar mahupun luar bandar, buku bukanlah satu keutamaan untuk dibeli lebih-lebih lagi apabila tradisi membaca buku belum membudaya dengan kuat dalam masyarakat kita dan generasi muda lebih berminat dengan kemudahan komunikasi teknologi terkini seperti Internet yang boleh diakses di mana-mana sahaja kerana kemudahan tersebut amat mudah dan senang diperolehi malah percuma untuk diakses. Ipod, Iphone dan gajet lain menjadi pilihan berbanding buku yang mula dijauhi oleh golongan generasi muda.

Objektif Kajian

Dalam penulisan jurnal ini, objektif kajian ialah mengenal pasti pemahaman murid sekolah mengenai budaya membaca dan meneroka amalan budaya membaca yang diamalkan oleh murid sekolah rendah di sekolah.

Soalan Kajian

Apakah pemahaman murid sekolah rendah mengenai budaya membaca?

Apakah amalan budaya membaca yang diamalkan oleh murid sekolah rendah di sekolah?

Metodologi Kajian

Pengkaji menggunakan keadah kualitatif. Menurut Othman Lebar (2014), Pendekatan kualitatif menekankan aspek interpretif, deskripsi, induksi, *grounded theory* dan kajian bagaimana memahami dan memberi makna kepada kehidupannya. Mengenal pasti tingkah laku dan meneroka pandangan responden serta apa yang terdapat dalam kehidupan mereka. Pendekatan kualitatif menerangkan peristiwa secara holistik dalam keadaan sebenar peristiwa berlaku tanpa sebarang manipulasi oleh penyelidik (Mohamad Najib Abdul Ghafar, 1999). Begitu juga dengan Stake (1995) (dalam Yeap Keng Leng, 2000) menyatakan penyelidikan kualitatif adalah suatu inkuiri (interpretative) untuk memahami isi atau masalah sosial dengan menonjolkan keunikan kritikal persekitaran kajian. Seterusnya, Yeap Keng Leng (2000) menerangkan pembinaan gambaran secara kompleks dan holistik dengan melaporkan pandangan responden dan dibuat berlatarkan keadaan yang natural.

Bentuk Kajian

Kajian yang dipilih adalah dalam bentuk kajian kes bagi menjawab soalan kajian yang diutarakan dalam penyelidikan ini. Ia bersesuaian dengan hasrat dan matlamat kajian iaitu untuk memahami dan meneroka soalan kajian yang diperolehi. Menurut Creswell (2008), kaedah kajian kes dapat membantu penyelidik menjelaskan, memahami, meneroka dan membuat pendedahan tentang fenomena yang dikaji kerana Yin (2003) menjelaskan kajian kes adalah strategi penyelidikan yang memfokuskan kepada persoalan 'siapa', 'mengapa' atau 'apakah'.

Kajian kes juga merupakan satu kajian empirikal yang berdasarkan prosedur-prosedur yang digunakan bagi menyiasat fenomena-fenomena semasa dalam konteks kehidupan sebenar dan membolehkan data dari pelbagai konteks dianalisis. Strategi ini sesuai untuk menganalisis kes tunggal kerana dapat membuah hasil yang terperinci dan lengkap (Bryman, 2012). Kajian dapat diklasifikasikan kepada tiga jenis kajian iaitu kajian kes instrumental, kajian kes intrinsik dan kajian kes pelbagai (Stake, 2005). Kajian intrinsik adalah berdasarkan keunikan perkara yang ingin dikaji untuk mendapatkan pemahaman yang lebih terperinci. Pengkaji menggunakan kajian kes intrinsik iaitu kajian yang memfokuskan kepada satu kes sahaja iaitu pemahaman dan amalan budaya membaca dalam kalangan murid sekolah rendah.

Lokasi Kajian

Pengkaji memilih sebuah sekolah yang dikenali sebagai Sekolah A untuk lokasi penyelidikan. Kajian terdahulu yang menjalankan hanya satu tempat sahaja seperti kajian yang dilaksanakan oleh Amir Hasan Dawi (2004), Maizura Yasin (2015) dan Kamarul Azman Khamis (2016). Seperti yang telah dijelaskan sebelum ini, penyelidikan dijalankan ke atas murid-murid sekolah rendah berdasarkan ciri-ciri kajian dan kesediaannya. Seperti yang dijelaskan oleh Amir Hasan Dawi (2004) menyatakan ciri-ciri tempat untuk kajian lapangan ialah boleh akses, tiada halangan, kebebasan menyelidik dan mudah untuk turut serta. Begitu juga dengan sekolah yang dipilih mempunyai ciri-ciri sedemikian. Pengkaji berusaha untuk memilih tempat kajian yang benar-benar boleh memberikan maklumat daripada informan-informan untuk memenuhi objektif kajian.

Amir Hasan Dawi (2006) menyatakan dalam kes-kes tertentu tempat kajian sebenar perlu dirahsiakan berdasarkan faktor-faktor seperti kesensitifan, tidak dibenarkan oleh pihak sekolah

dan maklumat yang mungkin memudaratkan pihak-pihak berkenaan boleh menggunakan nama samaran bagi mewakili tempat kajian. Jika pihak berwajib iaitu pihak pentadbir sekolah tidak membenarkan pengkaji untuk menggunakan nama tempat kajian, pengkaji akan menggunakan nama samaran yang menjelaskan kepada kawasan kajian. Oleh itu, pengkaji telah menamakan sekolah tempat kajian sebagai Sekolah A. Sekolah Kebangsaan A dipilih adalah kerana beberapa perkara yang difikirkan oleh pengkaji amat sesuai untuk kajian ini dijalankan iaitu:

- i. Sekolah tersebut adalah Sekolah Kebangsaan
- ii. Sekolah Kebangsaan mempunyai komposisi kaum iaitu Melayu, Cina dan India
- iii. Sekolah terletak di kawasan sub-bandar

Informan Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji melihat murid sekolah rendah sebagai informan kajian. Pemilihan murid sekolah rendah adalah kerana pengkaji memikirkan untuk mewujudkan satu budaya perlu bermula daripada kanak-kanak. Kanak-kanak diasuh dan diterapkan budaya membaca supaya diamalkan sehingga dewasa. Murid sekolah rendah dipilih adalah kerana pada peringkat umur tersebut, murid sekolah rendah adalah permulaan kepada seseorang kanak-kanak aktif meneroka sesuatu perkara baru untuk dijadikan penduan dan ikutan harian mereka dan akan dibawa sehingga dewasa.

Pengkaji tidak menumpukan kepada murid tadika dan tahun satu hingga tiga kerana pengkaji berpandangan pada peringkat ini, kanak-kanak masih diperingkat belajar membaca dengan lancar dan aspek budaya belum lagi dapat diikuti. Hinggalah kanak-kanak tersebut telah fasih membaca dan terdedah kepada pembacaan secara berterusan ketika berada di tahun empat hingga enam. Dari tahun empat hingga enam penguasaan membaca telah diperoleh dan pengkaji memikirkan pada tahap inilah kajian perlu dilakukan untuk meneroka kewujudan budaya membaca dalam kalangan murid sekolah rendah akibat daripada pelbagai pengaruh dalam persekitaran sekolah iaitu budaya sekolah bermula daripada tahap satu (1) iaitu darjah satu hingga tiga. Kriteria pemilihan murid sekolah rendah adalah seperti yang dinyatakan di bawah:

- i. Murid sekolah yang dipilih adalah murid sekolah rendah tahun empat hingga enam di sekolah kajian.
- ii. Murid sekolah perlu berada di sekolah pada hari persekolahan bermula dari jam 8.00 pagi hingga 12.30 tengah hari setiap hari.
- iii. Informan yang dipilih untuk tujuan temu bual adalah dalam kalangan murid sekolah yang telah dipilih secara persampelan bertujuan berdasarkan data-data yang diperoleh oleh pengkaji.
- iv. Informan yang terlibat mestilah sanggup dilibatkan dengan penyelidikan ini tanpa sebarang paksaan supaya informan boleh bersikap lebih terbuka ketika memberikan maklumat yang diperlukan oleh pengkaji.
- v. Maklumat dan data yang diperoleh tidak mengambil kira fahaman yang dipegang oleh informan seperti kepercayaan agama kerana pengkaji tidak menetapkan penyelidikan yang dilakukan perlu memilih kriteria tersebut.

Pengumpulan Data Kajian

Othman Lebar (2014) pula menyatakan proses pengumpulan data melibatkan langkah iaitu mengenalpasti dan menyediakan sempadan atau parameter kajian dan mengumpul maklumat melalui pemerhatian, temu bual, dokumen dan bahan-bahan visual. Terdapat tiga kaedah alat pengumpulan data yang kebiasaannya digunakan dalam kaedah penyelidikan kualitatif iaitu

pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen (Othman Lebar, 2014; Fraenkel, 2012). Penggunaan ketiga-tiga kaedah ini digunakan dalam penyelidikan agar saling melengkapi antara satu sama lain untuk memperolehi maklumat dan data yang mencukupi serta meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan dapatan kajian (Merriam, 2002). Walau bagaimanapun, pengkaji hanya menggunakan pemerhatian dan temu bual untuk mengumpul data kajian.

Pemerhatian

Pengkaji menggunakan kaedah pemerhatian bagi mendapatkan rakaman peristiwa dan tingkah laku informan secara langsung. Pemerhatian ini memungkinkan pengkaji mendapat maklumat secara semula jadi yang berlaku di sekeliling pengkaji pada masa kajian dijalankan. Menurut Merriam, (2002) maklumat yang diperolehi adalah secara '*firsthand*' tentang sesuatu fenomena dan apa yang sebenarnya berlaku. Jenis pemerhatian yang digunakan adalah pemerhatian tanpa struktur. Pengkaji memasuki sesuatu situasi sosial bagi membuat pemerhatian sikap terbuka. Pemerhatian dilakukan dengan bergaul dan beramah mesra dengan responden untuk berkongsi pendapat dan komen. Informan diberi peluang untuk bebas memberi pendapat tanpa dipengaruhi, dibangkang atau dipersoal. Semasa menjalankan kajian, pengkaji akan terlibat dalam pelbagai pemerhatian Othman Lebar (2014), sama ada di dalam kelas, persekitaran kelas, pusat sumber sekolah dengan mendapat kebenaran supaya tidak mengganggu proses pembelajaran. Protokol atau borang untuk merekod maklumat adalah perlu untuk mencatatkan pemerhatian.

Temu Bual

Pengkaji menggunakan temu bual semi-struktur dalam kajian ini untuk memperoleh maklumat dan data daripada informan-informan yang telah dikenalpasti. Temu bual semi-struktur ini juga dipilih kerana menurut Othman Lebar (2014) seperti yang dinyatakan oleh Schensul et. al., (1999) bahawa temu bual semi-struktur adalah yang terbaik bagi pengkaji untuk meneroka dan menjelaskan faktor-faktor dan subfaktor-subfaktor yang ingin diperolehi daripada informan. Seramai 15 orang murid sekolah dipilih untuk ditemu bual bagi mendapatkan data berkaitan soalan-soalan yang dibina. Proses temu bual ini berjalan dalam anggaran selama 30 minit bagi setiap informan dan ianya bergantung kepada ketersediaan informan untuk memberikan jawapan kepada soalan yang diajukan. Kaedah temu bual adalah berbentuk tidak formal. Pengkaji hanya mengajukan soalan berkaitan dengan penyelidikan yang dijalankan.

Dapatan Kajian Berdasarkan Soalan Kajian Pertama

Pemahaman Murid Sekolah Rendah Mengenai Budaya Membaca

Pemahaman informan berkenaan membaca boleh dikatakan kebanyakan informan menjawab membaca sebagai sesuatu perkara yang dilakukan untuk mendapatkan ilmu pengetahuan dan menjadikan informan bijak dan lulus peperiksaan. Seperti jawapan informan berikut:

“Menambah ilmu dan menambah pengetahuan”. (Informan 1)

“Mendapat ilmu dan menjadi seorang yang penting itu sahaja”. (Informan 3)

“hendak menjadi pandai dan untuk menambah ilmu serta pengetahuan”. (Informan 4)

“Dapat mengenal perkataan baharu”. (Informan 5)

“dapat menambahkan ilmu, menjadi pandai dan cemerlang dalam peperiksaan”. (Informan 6)

“Untuk mendapatkan ilmu yang berfaedah”. (Informan 8)

“Saya faham, untuk mendapat lebih pengetahuan dan boleh membuat karangan. Saya suka membaca”. (Informan 9)

“Untuk menambah ilmu dan menghargai masa”. (Informan 12)

“Membaca kerana ingin mendapatkan ilmu, boleh tahu maklumat apa yang terdapat di dalam buku”. (Informan 14)

“Membaca memberi pengetahuan, untuk mendapatkan ilmu supaya mendapat tahu banyak perkara.” (Informan 15)

Secara keseluruhannya informan mengetahui dan memahami budaya membaca dari prespektif murid sekolah rendah.

Suka Membaca

Hampir keseluruhan informan menjawab suka membaca buku. Seramai 12 informan mengatakan mereka suka membaca. Secara ringkas informan menjawab “Suka” tanpa memberi penjelasan secara terperinci kenapa mereka suka membaca. Pengkaji memahami kerana informan adalah murid sekolah rendah.

Dapatan Kajian Berdasarkan Soalan Kajian Kedua

Amalan Budaya Membaca Murid Sekolah Rendah di Sekolah

Analisis daripada kesemua pemerhatian yang dijalankan telah mengenalpasti beberapa kecenderungan yang mempengaruhi murid untuk membentuk satu budaya membaca di sekolah. Murid sekolah pada kebiasaannya masih tidak peka kepada kepentingan membaca mungkin disebabkan faktor umur kanak-kanak yang masih mementingkan aktiviti bermain apabila mempunyai masa terluang. Lebih-lebih lagi jika bersama rakan mereka. Kecenderungan mereka lebih terarah kepada keseronokkan semata-mata. Beberapa perkara yang dapat dikenalpasti oleh pengkaji yang menunjukkan bahawa murid sekolah lebih banyak menghabiskan masa terluang mereka bukan dengan membaca buku adalah seperti berikut:

- i.) Murid sekolah lebih banyak dipengaruhi oleh persekitaran sekolah itu sendiri dari segi kesungguhan dalam memupuk budaya membaca di sekolah
- ii.) Tiadanya elemen penggalak daripada agen sosialisasi seperti guru yang bertanggungjawab secara terus mahupun tidak. Guru lebih tertumpu kepada sukatan yang telah disediakan dan lebih banyak menjalankan aktiviti menjawab soalan
- iii.) Tiadanya aspek pemupukan secara berterusan daripada orang dewasa terutamanya guru. Program NILAM tidak menjamin budaya membaca wujud kerana berdasarkan rekod hanya sebilangan kecil murid mempunyai rekod yang tinggi dalam membaca buku. Walau bagaimanapun ianya tidak menjamin budaya membaca diamalkan
- iv.) Kewujudan sudut-sudut membaca, program akademik dan lain-lainnya juga kurang diambil perhatian sepenuhnya. Murid-murid tidak merasa ghairah untuk menggunakannya kerana tiada daya penarik untuk mereka manfaatkannya

Jenis Buku

Keseluruhan informan menjawab jenis buku yang mereka baca adalah bahan bacaan ringan iaitu buku cerita kanak-kanak, fiksyen dan novel (13), buku ilmiah (3) dan buku teks (2). Data menunjukkan murid sekolah rendah suka membaca bahan bacaan ringan dan bergambar. Mereka lebih tertarik dengan ilustrasi dan jalan cerita yang ringkas untuk di baca berbanding bahan bacaan ilmiah yang tidak mempunyai ilustrasi menarik.

“buku tentang sains. Sebab saya suka kaji tentang sains.” (Informan 1)

“buku cerita. Banyak tak ingat, buku teks baca” (Informan 2)

“buku cerita.” (Informan 3)

“buku cerita, buku teks.” (Informan 4)

“novel.” (Informan 5)

“buku cerita, kamus.” (Informan 6)

“buku cerita, buku novel, buku teks tak suka sebab bosan.” (Informan 7)

“buku sains, cerita dan lain-lain.” (Informan 8)

Kekerapan ke Pusat Sumber Sekolah (PSS) dan Meminjam Buku

Informan menjawab mereka (11) pernah pergi ke PSS tetapi jarang meminjam buku (6) dan tidak pernah pinjam (1). Dua orang sahaja mengatakan kerap meminjam buku di PSS. Mereka memberi alasan lokasi PSS terletak di tingkat atas sekolah, tak bagaimana tau nak pinjam buku dan tidak suka ke PSS. Pengkaji beranggapan ini kerana lokasi pusat sumber berada di tingkat atas bangunan sekolah menyebabkan murid rasa malas untuk pergi ke pusat sumber dan mengambil keputusan untuk bermain-main semasa rehat.

“bukan seminggu, sebulan. Buku dari kawan dan tak pinjam dari perpustakaan sebab nak pergi atas (tingkat 3).” (Informan 1)

“pinjam kat kawan. Tak tau macam mana nak pinjam.” (Informan 2)

“tak, kat atas. Tak suka, suka la jugak. Kurang suka kadang-kadang pergi kalau cikgu suruh pergi.” (Informan 3)

“pernah. Perpustakaan dan buku cerita.” (Informan 4)

“pernah. Kadang-kadang tiga. Di Perpustakaan Negara jugak.” (Informan 7)

“pernah di perpustakaan. Dua tiga buku sahaja.” (Informan 9)

Melalui pemerhatian pula, pengkaji mendapati budaya membaca masih lagi tidak menampakkan ianya telah wujud dalam kalangan murid di sekolah jika dilihat daripada pemerhatian yang telah dilakukan. Usaha kearah memupuk minat membaca itu ada tetapi tidak dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh oleh agen-agen sosialisasi. Pada pandangan pengkaji peranan PSS tidak dimanfaatkan oleh guru-guru. Sudut NILAM mahupun sudut-

sudut lain juga tidak dimanfaatkan dan hanya tidak berfungsi dengan baik. Antara maklumat-maklumat yang diperoleh daripada pemerhatian lanjut ini adalah seperti berikut:

- i.) Guru PSS dan NILAM dilihat kurang memainkan peranannya dalam menggalakkan murid membaca untuk membentuk budaya membaca di sekolah. Ini kerana mereka perlu mengajar mengikut silibus yang ditetapkan dan dirancang. Walaupun mereka faham mengenai budaya membaca, tetapi mereka tidak mempunyai masa yang cukup untuk melaksanakannya. Seperti guru PSS terbeban dengan aktiviti mengajar dengan masa yang sama perlu menguruskan PSS
- ii.) Murid lebih berminat kepada sesuatu tarikan yang baru untuk menggalakkan mereka membaca.
- iii.) Kurangnya usaha berterusan daripada pihak sekolah untuk memupuk budaya membaca seperti mengadakan program galakan membaca
- iv.) Peranan PSS perlu di perluaskan dengan mengadakan aktiviti santai yang boleh menarik minat murid untuk membaca

Kekerapan Membaca di Sekolah

Informan memberi pelbagai reaksi apabila diajukan soalan berapa kerap membaca buku di sekolah. Seramai 10 informan mengatakan mereka kerap membaca tetapi tujuh (7) mengatakan kurang membaca di sekolah dan hanya membaca buku teks sahaja, tidak ada masa, sesekali membaca buku teks dan jika cikgu suruh.

“tak terkiralah. Tak kerap sangat baca buku teks masa cikgu suruh.” (Informan 1)

“tiga kali. Tak tau darablah, takdelah kadang-kadang dua.” (Informan 2)

“sehari dua kali. Seminggu lapan.” (Informan 3)

“kadang satu, kat rumah. Kat sekolah masa lapanglah.” (Informan 5)

“sehari dua kali, seminggu 14 kali. Lepas makan buat kerja rumah... buat ulang kaji.” (Informan 6)

“setiap hari, selepas balik dari sekolah. Di sekolah kadang-kadang jika cikgu suruh.” (Informan 9)

Galakan Membaca

Keseluruhannya informan menjawab keluarga (15) iaitu ibu bapa, guru (14), kawan-kawan (1) dan diri sendiri (1) yang menggalakkan mereka membaca.

“guru, ibu bapa. Guru cakap jangan tak baca buku”. (Informan 1)

“ibu bapa, diri sendiri, cikgu. Tu je lah... rakan-rakan takde.” (Informan 2)

“cikgu, ibu bapa, kakak. Kawan tak ramai.” (Informan 3)

“ibu bapa, guru. Selalunya ibu saya suruh membaca. Terpaksa.” (Informan 4)

Jika dilihat dari dapatan dan dikaitkan dengan budaya membaca boleh dicirikan sebagai sesuatu sikap dan tindakan yang dilakukan secara berterusan melalui proses jangka waktu yang panjang melakukan perbuatan membaca tanpa paksaan atau ikutan. Ciri-ciri budaya membaca yang dikenalpasti boleh dicirikan seperti berikut:

i. Kesedaran

Murid dan guru sekolah rendah sedar dengan kepentingan amalan membaca. Mereka tahu membaca akan membuatkan seseorang dapat menambah pengetahuan dan amat berguna kepada pembelajaran mereka. Mereka sedar membaca membolehkan mereka lulus peperiksaan dan mempunyai kelebihan tetapi mereka tidak membaca.

ii. Kebiasaan

Murid sekolah rendah membaca tetapi bukan menjadi kebiasaan dalam harian mereka. Melalui pemerhatian dan temu bual menunjukkan mereka jarang membaca. Mereka memang suka membaca tetapi mereka tidak membaca pada kebanyakan waktu terluang.

iii. Penghargaan membaca

Dari aspek penghargaan diri sendiri, kebanyakan murid sekolah rendah tidak melihat secara jelas apa yang mereka akan perolehi pada masa akan datang, oleh itu mereka tidak menjadikan amalan membaca sebagai amalan harian mereka. Dari aspek penghargaan seperti ganjaran apabila membaca banyak buku, murid sekolah rendah juga tidak menunjukkan mereka teruja untuk membaca.

iv. Pengaruh sekeliling

Murid sekolah rendah banyak dipengaruhi oleh rakan sebaya. Walaupun guru boleh mempengaruhi murid sekolah dengan status sebagai guru, tetapi saranan dan galakan guru tidak mendapat respon yang positif untuk mereka membaca. Rakan sebaya lebih mempengaruhi mereka untuk bermain dan berseronok dan kurang untuk mengajak mereka membaca.

Rumusan dan Cadangan

Dalam konteks murid sekolah rendah, budaya membaca ditafsirkan sebagai seseorang yang membaca buku tidak kira untuk tujuan pembelajaran ataupun keseronokan dan bukan sebagai amalan dan tabiat. Jika seseorang dilihat membaca buku, itu sudah memadai sebagai budaya membaca. Berdasarkan kepada dapatan yang diperolehi dalam kajian ini, maka beberapa cadangan-cadangan yang mungkin boleh dilaksanakan oleh institusi pendidikan iaitu sekolah rendah sebagai satu usaha dalam mengukuhkan lagi budaya membaca iaitu seperti: -

- i. Memberi kesedaran mengenai pentingnya budaya membaca bermula dari sekolah rendah lagi sebelum mereka melangkah ke tahap lebih tinggi iaitu sekolah menengah.
- ii. Dapat membezakan diantara membaca untuk keperluan lulus peperiksaan dan membaca untuk keperluan pengetahuan.
- iii. Kekekapan program galakan membaca dipertingkatkan di sekolah rendah.
- iv. Mengadakan program kerjasama dengan agensi-agensi lain seperti Perpustakaan Negara Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka dan agensi-agensi lain yang dapat mengimarahkan lagi program-program dilaksanakan.
- v. Memastikan guru-guru mendukung dasar kerajaan untuk membentuk masyarakat berbudaya membaca. Mengambil inisiatif dengan memasukkan budaya membaca sebagai aktiviti pembelajaran dan pengajaran murid sekolah rendah.
- vi. Sentiasa peka dan berkerjasama dengan ibu bapa melalui PIBG sekolah.

- vii. Mewujudkan lebih banyak kawasan atau sudut membaca di persekitaran sekolah.
- viii. Menasihati ibu bapa untuk menyediakan sudut bacaan anak-anak mereka di rumah.

Penutup

Kajian ini menunjukkan perkataan budaya membaca tidak asing kepada para informan. Walau bagaimanapun, amalan dan tabiat membaca tidak diamalkan oleh sebilangan besar informan dalam kajian ini. Amalan dan tabiat membaca adalah penting dalam membentuk budaya membaca. Budaya membaca banyak memberi manfaat kepada individu mahupun komuniti. Individu dapat mempertingkatkan diri mereka berbeza daripada individu yang lain hasil daripada pembacaan. Pelbagai usaha perlu ditingkatkan diperingkat sekolah rendah dan kerjasama yang jitu dengan pelbagai agensi kerajaan dan swasta bagi membentuk generasi yang mencintai buku dan membaca sebagai sebahagian daripada kehidupan seharian.

Rujukan

- Abu Bakar Nordin & Ikhsan Othman (2003). *Falsafah Pendidikan dan Kurikulum*. Tanjung Malim: Quatum Books.
- Amir Hasan Dawi (2006). *Pentorian Sosiologi dan Pendidikan*. Tanjung Malim: Quantum Books.
- Amir Hasan Dawi (2004). *Hubungan Etnik di Institusi Pengajian Tinggi: satu kajian etnografi habistus dan modal budaya di kalangan pelajar berlainan etnik*. Ijazah Doktor Falsafah. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Anuar Ridhwan (2013). 'Generasi Y' mula hilang minat budaya cetak. Berita Harian 25/2/2013.
- Bryman, A. (2012). *Social Research Methods*. 4th Edition. Oxford University Press., New York.
- Creswell, J. W. (2008). *Educational Research: planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative research*. 3rd ed. Upper Saddle River, NJ: Pearson Education, Inc.
- Fraenkel, Jack R., Wallen, Norman E, Hyun & Hellen H. (2012). *How to Design and Evaluate Research in Education*. New York: McGraw Hill.
- Ghazali Darusalam (2001). *Sumbangan Sarjana dalam Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Ishak Saat (2007). *Kajian Sosial*. Kuala Lumpur, Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Kamarul Azman Khamis (2016) *Penglibatan Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) dalam pembangunan pendidikan dan keusahawanan Negeri Kedah 2005-2014: Kajian kes di Daerah Padang Terap, Kedah*. PhD. thesis, Universiti Utara Malaysia.
- Maizura Yasin (2015). *Pemahaman Amalan Bertingkah Laku Moral Dalam Kalangan Murid Melayu Tingkatan Empat di Putrajaya, Malaysia*. PhD thesis, Universiti Putra Malaysia.
- Merriam, S. B. (2002). *Qualitative Research in Practice: example for discussion and analysis*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Othman Lebar (2014). *Penyelidikan Kualitatif: pengenalan kepada teori dan metod*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Stake, R. E. (2005). *Multiple Case Study Analysis*. New York: The Guilford Press.
- Yeap Keng Leng (2000). *Kajian Kualitatif: satu pengenalan*. Jurnal Keningau, bil. 3, 2000, ms25-27.
- Yin, R. K. (2003). *Case Study Research: design and methods*. London: Sage Publications.